



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Darurat (Kenteteraman Awam dan Mencegah Jenayah)
(Pindaan) 1989**

DR.21/1989

D.R. 21/89

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA suatu Perisytiharan Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15hb Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan; *P.U. (A)*
145/69.

DAN BAHAWASANYA pada 12hb Jun 1969 Yang di-Pertuan Agong memasyhurkan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 menurut Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan; *P.U. (A)*
187/69.

DAN BAHAWASANYA disebabkan Darurat itu Parlimen berpendapat adalah perlu dibuat pindaan-pindaan tertentu kepada Ordinan tersebut;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. *Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.*

Seksyen
baru 7C,
7D dan 7E.
P.U. (A)
187/69.

2. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 7B, seksyen baru 7C, 7D dan 7E yang berikut:

“Kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri.

7C. (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Ordinan ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Ordinan ini yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu.

(2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan-alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 4c.

Tafsiran
“kajian semula kehakiman”.

7D. Dalam Ordinan ini, “kajian semula kehakiman” termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara—

- (a) permohonan untuk apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, larangan dan *certiorari*;
- (b) permohonan untuk penetapan atau injunksi;
- (c) writ *habeas corpus*; dan
- (d) apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain berhubungan dengan atau berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Ordinan ini.

Mula ber-
kuatkuasa-
nya seksyen
7c dan 7d.

Akta A

7E. (1) Seksyen 7c dan 7d hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding yang dimulakan dengan cara kajian semula kehakiman akan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Ordinan ini, sama ada prosiding yang sedemikian telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989.

(2) Sebutan mengenai prosiding dalam subseksyen (1) tidaklah termasuk sebutan mengenai prosiding yang telah tamat dan yang berkenaan dengannya keputusan muktamad mahkamah telah diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989, atau sebutan mengenai apa-apa rayuan atau apa-apa permohonan untuk rayuan terhadap keputusan muktamad sedemikian.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

2. *Fasal 2* memasukkan selepas seksyen 7b tiga seksyen baru, iaitu, seksyen 7c, 7d dan 7e.

Seksyen baru 7c menghapuskan daripada kajian semula kehakiman akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu. Tujuan seksyen baru ini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan penggunaan yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budi bicaranya sebagaimana yang ditetapkan di dalam kes *Karam Singh lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 129, yang telah diikuti di

dalam kes *Theresa Lim Chin Chin lwn. Ketua Polis Negara* [1988] 1 MLJ 293. Peruntukan ini adalah perlu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang mahkamah-mahkamah akan menggantikan keputusan pihak Eksekutif dengan keputusan mereka mengenai perkara-perkara bersangkutan dengan keselamatan dan ketenteraman awam negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh mahkamah-mahkamah di negara-negara asing tertentu di mana keputusan-keputusan mereka telah berlandaskan keadaan-keadaan yang berlainan sama sekali dengan keadaan-keadaan di Malaysia. Dalam perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam, adalah jelas bahawa pihak Eksekutif ialah pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang maklumat yang ada untuk menentukan langkah-langkah berjaga-jaga yang patut diambil dan mempunyai kata putus dalam perkara-perkara sedemikian; dan bukannya mahkamah yang hanya dapat menimbang keterangan yang dibuktikan di hadapannya.

Istilah “kajian semula kehakiman” ditakrifkan di dalam seksyen baru 7D.

Seksyen baru 7E membuat peruntukan bahawa seksyen baru 7c dan 7D terpakai bagi prosiding yang dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1543.]